

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]

TARIKH : 1.4.2015

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pengusaha yang mendapat tender membekal makanan kepada murid sekolah berasrama dapat membekalkan makanan yang selamat dan berkhasiat. Jika berlaku kes keracunan makanan di dapur asrama, adakah pembekal tersebut dibenarkan menyambung kontrak mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah bagi memastikan pengusaha dewan makan asrama membekalkan makanan yang selamat dan berkhasiat iaitu;

- i. Mengadakan senarai semak Program Kendiri Dewan Makan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di mana pihak kontraktor membuat semakan sendiri kualiti dan kebersihan makanan mereka;
- ii. Menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi penggredan dewan makan asrama (premis makanan); dan

-
- iii. Menyediakan Buku Panduan Pengurusan Makanan dan Pemakanan di Asrama bagi pihak kontraktor.

Setiap syarikat yang dilantik untuk memberikan perkhidmatan bekalan makanan bermasak di sekolah adalah berdasarkan keupayaan kewangan dan pengalaman syarikat. Bagi memastikan kualiti makanan berada pada tahap yang baik, menu makanan yang dibekalkan kepada sekolah telah ditetapkan oleh KPM dengan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Syarikat diwajibkan menggunakan menu makanan tersebut, dan mematuhi semua arahan dan peraturan pembekalan makan yang ditetapkan oleh KPM. Sekiranya syarikat gagal mematuhi terma dan syarat di dalam perjanjian, tindakan penamatan perkhidmatan syarikat akan diambil.

Berhubung dengan kes keracunan makanan pula, pihak Jabatan Kesihatan di bawah KKM akan menyita premis yang terlibat dengan kes keracunan tersebut dan mengarahkan pihak syarikat mengambil langkah penambahbaikan bagi memastikan keracunan makanan tersebut tidak berulang lagi. Pihak syarikat tidak dibenarkan sama sekali memasuki premis untuk menyediakan makanan selagi syarikat tidak mengambil tindakan seperti yang diarahkan oleh Jabatan Kesihatan. Ketika dalam tempoh premis di sita tersebut, pihak sekolah akan mendapatkan perkhidmatan bekalan makanan bermasak daripada sumber lain bagi memastikan pelajar sentiasa mendapat perkhidmatan makanan bermasak tersebut. Syarikat hanya dibenarkan memasuki semula premis untuk menyediakan makanan, setelah mematuhi semua arahan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan. KPM turut juga mengeluarkan surat amaran kepada syarikat agar sentiasa mematuhi semua arahan yang

ditetapkan dan sekiranya kes keracunan berulang lagi, perkhidmatan syarikat ini boleh ditamatkan.

RJM88